



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
TINGKAT 19  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40503 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

☎ : 03 5544 7042/7048/7520  
☎ : 03 5510 3062  
🌐 : www.selangor.gov.my  
✉ : suk@selangor.gov.my

Rujukan kami : IPKSEL BPSM 100-1/3/2 ( 1 )  
Tarikh : 29 Jun 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor  
Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Datuk Bandar/  
Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan  
Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat  
Semua Setiausaha Bahagian/ Timbalan Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha/  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KAUNTER PEJABAT KERAJAAN  
DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DALAM FASA  
PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk perkara di atas.

2. Merujuk kepada Kenyataan Media Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021, pembukaan kaunter perkhidmatan Kerajaan di seluruh Negara akan beroperasi secara fizikal mulai 1 Julai 2021 dengan tatacara pengoperasian seperti berikut :-

- a) Perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian;
- b) Kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50%; dan
- c) Kehadiran secara fizikal hanya melalui temu janji berjadual.

3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi setiap masa.

4. Selain dari perkhidmatan kaunter, pengoperasian Pejabat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti yang terkandung di dalam Pelan Pemulihan Negara – SOP Fasa 1 oleh MKN berkuatkuasa 29 Jun 2021 iaitu Perkhidmatan Awam akan melaksanakan kaedah **Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan serta yang terlibat dengan pengoperasian perkhidmatan kaunter.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak Tuan/ Puan bagi menyempurnakan perkara di atas adalah amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' NOR AZMIE DIRON)